

PEJABAT BENDAHARI

Tel : +606 331 6188/6189 | Faks : +606 331 6115
Emel: pejabatbendahari@utem.edu.my

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 (7)
Rujukan Tuan (Your Ref) :

24 Jamadil Awal 1435 H
26 Mac 2014

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 7/2014

Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y.Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN
PERBELANJAAN TAHUN 2015**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat pekeliling ini adalah bertujuan untuk menerangkan garis panduan penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2015 kepada semua Pusat Tanggungjawab di UTeM.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Tahun 2015 adalah tahun terakhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10) dan kerajaan komited untuk meneruskan agenda pembangunan Negara di bawah lima Teras Strategik Nasional. Universiti perlu menilai tahap pencapaian dan mengenal pasti keberhasilan yang masih belum tercapai sepenuhnya sebagai panduan merangka prestasi tahun 2015.

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 (7)

Rujukan Tuan (Your Ref) :

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2015

- 2.2 Kerangka keberhasilan Universiti bagi tahun 2015 hendaklah menumpu kepada *core business* dan sumbangan kepada keutamaan nasional dengan memberi penekanan kepada perkara berikut;
 - 2.2.1 Masalah/keperluan utama pelanggan dan *stakeholder*.
 - 2.2.2 *Outcome* yang hendak dicapai harus munasabah dan dapat menangani masalah/keperluan serta boleh diukur menggunakan Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) yang bersesuaian.
 - 2.2.3 *Outcome* yang dikenalpasti adalah sejajar dengan *outcome* peringkat nasional.
- 2.3 Penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2015 akan disediakan oleh setiap PTj dan dikumpulkan sebagai cadangan anggaran perbelanjaan UTeM.
- 2.4 Kerangka keberhasilan dan cadangan anggaran perbelanjaan 2015 Universiti hendaklah disediakan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2012 – Bajet Berasaskan *Outcome* (OBB).
- 2.5 Penyediaan bajet juga akan dibuat secara dalam talian (*online*) menggunakan aplikasi MyResults yang boleh dicapai melalui URL www.myresults.gov.my.
- 2.6 Semua PTj perlu menghantar cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2014 masing-masing selewat-lewatnya pada **10 Mac 2014** (Isnin) ke Unit Bajet, Pejabat Bendahari sepertimana yang dijelaskan dalam Jadual Penyediaan Cadangan Anggaran Mengurus Tahun 2015 seperti di **lampiran 1**.

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 (7)

Rujukan Tuan (Your Ref) :

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2015

3.0 CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

- 3.1 Penyediaan anggaran perbelanjaan mengurus tahun 2015 adalah berdasarkan enam Tema Pelan Strategik UTeM Tahun 2012-2020.
- 3.2 Kaedah penggunaan Batas Perbelanjaan (*Expenditure Target-ET*) masih diteruskan. Sehubungan itu, bajet di bawah dasar sedia ada tidak perlu dimohon oleh PTj kerana Perbendaharaan akan memaklumkan jumlah cadangan ET kepada UTeM.
- 3.3 PTj perlu menyediakan anggaran bajet di bawah Dasar Baru dan *One-Off* beserta justifikasi lengkap. Ini termasuklah kelulusan Jemaah Menteri atau keputusan-keputusan lain oleh Kerajaan/Agensi Pusat yang perlu ada sebelum permohonan dikemukakan.
- 3.4 Bagi keperluan penyediaan bajet di UTeM. Setiap PTj hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa penyediaan cadangan perbelanjaan mengurus;
 - 3.4.1 Cadangan perbelanjaan yang disediakan oleh PTj mestilah menyumbang kepada *Outcome* Pelan Strategik UTeM 2012-2020 berdasarkan enam tema iaitu *Accelerating Techducation Excellence, Pioneering Future Technology, Moulding Technopreneurial Leaders, Boosting Community Potentials, Talent Management* dan *Financial Independence*.
 - 3.4.2 Perbelanjaan hendaklah disediakan mengikut keutamaan berdasarkan sumbangan kepada *Outcome* secara cekap dan berkesan.
 - 3.4.3 Permohonan bajet mestilah merujuk kepada strategi-strategi yang telah ditetapkan di dalam *Outcome Hierarchy Analysis (OHA)*.

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 (7)

Rujukan Tuan (Your Ref) :

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2015

- 3.4.4 Memastikan peruntukan emolumen disediakan secukupnya termasuk pegawai/kakitangan kontrak yang dibayar di bawah objek sebagai vot 29000.
- 3.4.5 Permohonan dasar baru adalah untuk program/aktiviti baru yang menyokong pelan strategik UTeM.
- 3.4.6 Penyenggaraan aset kerajaan termasuk bangunan, peralatan, kenderaan dan kelengkapan diberi keutamaan.
- 3.4.7 Permohonan perbelanjaan yang telah dipusatkan perlulah dimohon kepada PTj yang berkaitan seperti keperluan perabot di bawah Pejabat Pembangunan, Kenderaan-BPKU, perjalanan luar negara-Canselori, perjawatan-Pendaftar, bangunan/ kemudahan/pembaikan-P.PEM, dan peralatan *ICT/Laptop*-Pusat Komputer.
- 3.4.8 Permohonan *one off* untuk aset tetap/inventori adalah untuk keperluan pentadbiran ataupun yang menyokong aktiviti P&P sahaja.
- 3.4.9 Permohonan dasar baru/*one-off* yang dikemukakan oleh PTj mestilah pada anggaran kos/bajet yang munasabah dan realistik.
- 3.4.10 Justifikasi dasar baru/*one-off* yang diberikan hendaklah kukuh dan terperinci.
- 3.4.11 Faktor keupayaan untuk melaksana program/aktiviti oleh setiap PTj perlu diambil kira. Program/aktiviti yang mampu dilaksanakan pada tahun 2015.

4.0 CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

- 4.1 UPE, JPM akan mengguna pakai permohonan projek baharu tahun 2015 yang dikemukakan oleh Kementerian/agensi pada 30 Jun 2013 untuk pemeriksaan bajet yang akan turut dihadiri wakil Perbendaharaan.
- 4.2 Sekiranya cadangan projek 2015 tersebut perlu dikemaskini atau digugurkan, Kementerian/agensi boleh mengemaskini atau mencadangkan projek baharu (dengan justifikasi) bagi menggantikan projek yang digugurkan dengan mematuhi perkara berikut;
 - 4.2.1 Berunding dengan jabatan/agensi/badan berkanun di bawah seliaan masing-masing.
 - 4.2.2 Kementerian/agensi hendaklah menyelaras senarai projek baharu menerusi Jawatankuasa Perancang Negeri atau Majlis Tindakan Pesekutuan di peringkat negeri.
 - 4.2.3 Menyediakan Matriks Kerangka Logik dan wajib dilampirkan semasa membuat permohonan dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPP II). Sekiranya matriks tersebut tidak disediakan, cadangan program/projek baharu tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- 4.3 Sehubungan ini, PTj perlu melaksanakan projek yang telah diluluskan dengan segera dan memastikan projek yang sedang dilaksanakan adalah mengikut jadual agar dapat mencapai *outcome* yang telah disasarkan.
- 4.4 Selaras dengan penekanan Kerajaan untuk meningkatkan pembiayaan kepada projek pembangunan bukan fizikal, Universiti perlu memberi keutamaan kepada projek seperti peningkatan kemahiran modal insan, program sokongan pembangunan industri dan program penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 (7)

Rujukan Tuan (Your Ref) :

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2015

- 4.5 Tarikh akhir untuk mengemukakan cadangan projek baharu (sekiranya ada) dan pengemaskinian senarai program dan projek bagi tahun 2015 melalui SPP II kepada UPE, JPM adalah pada **15 Mac 2014**.

5.0 PERKARA YANG PERLU DIELAKKAN SEMASA PENYEDIAAN ANGGARAN PERBELANJAAN

- 5.1 Menggunakan format selain daripada yang telah ditetapkan.
- 5.2 Tidak melengkapkan maklumat di bahagian justifikasi Dasar Baru dan *One-Off*.
- 5.3 Membuat anggaran perbelanjaan yang terlalu tinggi/rendah tidak menggambarkan keperluan sebenar.
- 5.4 Tidak menyediakan maklumat perbelanjaan yang baru tetapi menyalin semula maklumat tahun lepas.
- 5.5 Maklumat yang diberikan tidak selaras dengan perancangan Universiti.

6.0 FORMAT PENYEDIAAN BAJET

- 6.1 Setiap PTj dikehendaki menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus beserta justifikasi kukuh seperti format di **lampiran 2 (a) dan (b)**.
- 6.2 Manakala untuk pengiraan terperinci mengenai perbelanjaan yang dimohon adalah menggunakan format **ABM-7**.

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 (7)

Rujukan Tuan (Your Ref) :

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2015

7.0 RUJUKAN

- 7.1 Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2014 berkaitan garis panduan bagi penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2015.
- 7.2 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2012 – Bajet Berasaskan *Outcome* (OBB).

8.0 TARIKH KUATKUASA

- 8.1 Surat pekeling ini berkuatkuasa serta-merta dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih. *Wassalam.*

Yang benar,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Pejabat Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

 2014

s.k. **Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan**
Naib Canselor

Y.Bhg. Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani bin Mohd. Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
KALENDAR PENYEDIAAN ANGGARAN BAJET MENGURUS
TAHUN 2015

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Pekeliling Perbendaharaan Penyediaan Bajet 2015	22 Januari 2014
2	Makluman batas perbelanjaan dan format penyediaan bajet 2015 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia	20 Februari 2014
3	Surat makluman penyediaan bajet tahun 2015 kepada PTj	24 Februari 2014
4	Taklimat penyediaan bajet tahun 2015 (berdasarkan format OBB & ABM-7) kepada semua PTj	28 Februari 2014
5	Penghantaran maklumat bajet 2014-2015 oleh setiap PTj ke Pejabat Bendahari	10 Mac 2014
6	Pengumpulan dan semakan maklumat bajet 2014-2015 oleh Pejabat Bendahari	14 Mac 2014
7	Pembentangan / Pemeriksaan bajet PTj kepada Y.Bhg. Naib Canselor	17 Mac 2014
8	Penyediaan draf bajet 2014-2015 setelah dikemaskini	19 Mac 2014
9	Draf bajet 2014-2015 diluluskan diperingkat JTK	Minggu ke-3&4 Mac 2014
10	Penghantaran bajet 2014-2015 secara <i>online</i> dan <i>hardcopy</i> kepada Kementerian Kewangan	31 Mac 2014

KERANGKA PENGURUSAN PRESTASI AKTIVITI

BAHAGIAN D: JUSTIFIKASI UNTUK DASAR BARU/ONE OFF

JUSTIFIKASI UNTUK DASAR BARU/ONE-OFF :

Keterangan	
i. Rujukan / Sumber keputusan	(Rujuk tema pelan strategik UTeM)
ii. Sumbangan Kepada 'Outcome' UTeM	(Rujuk outcome pelan strategik UTeM)
iii. Implikasi jika tidak diluluskan	
iv. Alternatif dasar dan strategi	Alternatif Dasar: Strategi:
v. Perkiraan Peruntukan (Linked to ABM)	LAMPIRAN ABM-7

Butiran Perbelanjaan (Objek Am)	1	2
	Peruntukan Tahun Bajet 2015	Peruntukan Tahun Bajet 2016
	RM	RM
i. Emolumen (10000)		
ii. Perkhidmatan dan Bekalan (20000)		
iii. Aset (30000)		
iv. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (40000)		
v. Perbelanjaan - perbelanjaan lain (50000)		
Jumlah		

Keperluan Jawatan	1	2
	Tahun Bajet 1	Tahun Bajet 2
	Bilangan Jawatan	Bilangan Jawatan
i. Anggota Pentadbiran dan Lantikan Undang-Undang		
ii. Kumpulan Pengurusan Tertinggi		
iii. Kumpulan Pengurusan dan Professional		
iv. Kumpulan Sokongan		
Jumlah		

PTJ :

PENJELASAN DASAR BARU – TAHUN 2014

a) Objektif Dasar Baru

b) Sebab-sebab ia diperlukan:

- i.
- ii.
- iii.

c) Implikasi sekiranya permohonan tidak diluluskan:

- i.
- ii.
- iii.

d) Perkiraan yang terperinci mengenai peruntukan yang diperlukan mengikut objek sebagai ABM-7 (Sila sertakan ringkasan mengikut kod akaun / lanjut)